



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MEDAC, MOA TAMBAH USAHAWAN TANI MUDA, NASIONAL -13 MEDAC, MOA JALIN KERJASAMA LAHIR LEBIH RAMAI AGROPRENEUR MUDA, BISNES SINAR, SH -31	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
3.	AGROBANK BANTU PENEROKA FELDA, BISNES SINAR, SH -31	AGROBANK
4. 5.	LPP SARAN AHLI TANAM RAJA BUAH, LOKAL, HM -8 LPP GALAK AHLI TANAM DURIAN, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELDANG (LPP)
6.	ARTIFICIAL REEFS WORTH RM41,000 PLACED IN LABUAN WATERS, HOME, BORNEO POST (KK) -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	AWARD-WINNING TEA TO BE COMMERCIALISED, LIFE & ARTS, THE MALAYSIAN RESERVE -21	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MEDAC, MOA tambah usahawan tani muda

Jalin kerjasama strategik babitkan koperasi pertanian tingkat hasil, pendapatan

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) untuk melahirkan lebih ramai usahawan berkaitan pertanian (agropreneur) dalam negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata perbincangan sudah diadakan dengan rakan sejawatnya di MOA, Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee untuk merealisasikan usaha ke arah itu.

"Pelbagai input pertanian, latihan dan permodenan pertanian ke arah ekonomi berpendapatan tinggi turut dibincangkan bersama pada pertemuan ini.

"Pembabitkan koperasi berasaskan pertanian diharap meningkatkan output dan menambahkan pendapatan koperasi, terutama dalam menceburi pertanian moden dengan pibak MOA setujukan membantu dan memberikan kerjasama," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, pihaknya menaruh harapan kerjasama



Wan Junaidi bersama Kian-dee ketika mesyuarat membabitkan kedua-dua kementerian di MEDAC, Kelduar.

strategik antara MEDAC dan MOA mampu memainkan peranan dalam mempertingkatkan lebih ramai usahawan koperasi yang lebih kreatif dan inovatif.

"Saya yakin kerjasama ini mampu melahirkan lebih ramai agropreneur khususnya usahawan muda dan wanita dalam bidang pertanian dan industri makanan," katanya.

Sementara itu, MOA memaklumkan perbincangan dan kerjasama strategik bersama MEDAC antara lain membincangkan pelaksanaan projek pertanian

berimpak tinggi termasuk projek fertigasi, peluasan kawasan penanaman padi berskala besar di kawasan dikenali pasti, pembehan anak ikan dan penternakan lembu tenusu.

Turut dibincangkan, pengembangan aktiviti pertanian termasuk industri sokongan melalui platform digital, program usahawan vendor, penawaran pembiayaan melalui agensi pembiaya di bawah MEDAC seperti Bank Rakyat, Tekun Nasional dan SME Bank.

Selain itu, kolaborasi latihan

peranian yang berinovasi bagi meningkatkan kemahiran usahawan dan koperasi bidang pertanian melalui kerjasama strategik dengan SME Corp, Institut Kesahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM).

Sebagai langkah susulan satu jawatankuasa kerja terdiri dari pada pegawai kanan kedua-dua kementerian dipersetujui untuk dibentuk bagi memperhalusi cadangan yang dibincangkan supaya dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Tawar pembiayaan
miliki rumah pertama,
tingkat ekonomi
golongan berkenaan

Oleh NORSHAHZURA
MAT ZUKI

Agrobank bersedia untuk meluaskan kemudahan bantuannya kepada peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di seluruh negara berikutan perjanjian kolaboratif yang dimeterai bersama baru-baru ini.

Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, melalui kerjasama itu Agrobank akan menyediakan program pembiayaan rumah di bawah Skim Pembiayaan Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) untuk membantu generasi kedua peneroka Felda di seluruh negara memiliki rumah pertama tanpa membebankan mereka dengan kos awal dan kadar keuntungan yang tinggi.

Menurutnya, terdapat keinginan yang semakin meningkat untuk perolehan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia, namun ketidakpercayaan dari segi kewangan tetap menjadi halangan utama bagi kebanyakan mereka yang berhasrat untuk memiliki rumah, terutamanya golongan berpendapatan rendah dalam industri pertanian.

Agrobank bantu peneroka Felda



Khadijah bertukar dokumen bersama Pengarah Besar Felda, Detuk Dr عثمان Omar pada Sambutan Hari Peneroka Felda 2020 peringkat kebangsaan di Dewan Besar Tun Abdul Razak MRSM Felda Trolek Kelantan.

"Agrobank menawarkan pembiayaan sehingga 110 peratus pada kadar pembiayaan asas + 1 peratus setahun, sekali gus membuka peluang kepada lebih ramai peneroka Felda yang berpendapatan kurang RM5,000 sebulan untuk memiliki rumah," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Terdahulu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan skim bantuan kewangan untuk membantu generasi kedua Felda memiliki

kediaman pertama mereka.

Susulan itu, Agrobank telah bersetuju untuk memperluaskan syarat pembiayaan mereka dan menawarkan kadar keuntungan yang lebih rendah kepada pemohon yang layak.

Khadijah berkata, selain menyediakan program pembiayaan di bawah skim PGBF, kolaboratif antara Agrobank dan Felda itu juga bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi peneroka dengan menawarkan pembiayaan keusahawanan dan

perladangan melalui Program Pembiayaan Mikro Bukan Komoditi dan Program Perladangan Tanaman Kelapa Sawit dan Getah.

"Program ini bertujuan untuk mengembangkan kemampuan dan mengasah pemikiran keusahawanan dalam kalangan peneroka Felda.

"Pada masa sama, ia juga bertujuan meningkatkan produktiviti pengeluaran peneroka di sektor agromakanan, kelapa sawit dan getah," katanya.



Sebagai seorang usahawan, saya sentiasa berusaha hingga ke tahap maksimum."

Pengasas bersama
Uber, Yassin Kabirick

Public Bank kurangkan BR sebanyak 0.25 peratus

PUBLIC Bank akan mengurangkan Kadar Asas (BR) dan Kadar Pinjaman Asas (BLR) / Kadar Pembiayaan Asas (BFR) sebanyak 0.25 peratus berkuat kuasa 10 Julai ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Public Bank Berhad, Tan Sri Tay Ah Lek berkata, ia selaras dengan penurunan Kadar Dasar Semalaman oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak 25 mata asas daripada 2.00 peratus kepada 1.75 peratus pada 7 Julai ini.

"Pada masa sama, kadar deposit tetap Public Bank juga akan diselaraskan sebanyak 0.25 peratus, berkuat kuasa pada yang sama," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, pengurangan 25 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) itu akan te-

rus merangsang proses pemulihan ekonomi negara.

"Public Bank komited memberi bantuan kewangan semestara berterusan kepada pelanggannya dalam tempoh mencabar yang belum pernah berlaku ini," katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad, Mohd Muazam Mohamed berkata, pihaknya akan menyemak semula BR sebanyak 25 mata asas iaitu daripada 2.77 peratus kepada 2.52 peratus, sementara BFR disemak semula daripada 5.72 peratus kepada 5.47 peratus.

Katanya, keputusan itu sejajar dengan langkah penurunan (OPR) sebanyak 25 mata asas oleh BNM iaitu daripada 2.00 peratus kepada 1.75 peratus.

MEDAC, MOA jalin kerjasama lahir lebih ramai agroprenuer muda

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan bekerjasama untuk melahirkan lebih ramai usahawan berkaitan pertanian (agroprenuer).

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Menurutnya, pelbagai input pertanian, latihan dan pemodenan pertanian ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dibincangkan bersama dalam pertemuan itu.

"Penglibatan koperasi berasaskan pertanian diharapkan dapat meningkatkan output dan menambah pendapatan koperasi, terutamanya dalam bidang pertanian moden yang mana Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersetuju untuk membantu dan memberikan kerjasama.

"Saya harap kerjasama ini mampu memainkan peranan dalam menambah bilangan usahawan koperasi yang kreatif dan inovatif," katanya.

Wan Junaidi berkata, beliau yakin usahasama itu mampu melahirkan lebih ramai agroprenuer khususnya usahawan muda dan wanita dalam bidang pertanian serta industri makanan.



Wan Junaidi (kanan) bersama Ronald pada perbincangan antara MEDAC dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kelantan.

LPP saran ahli tanam raja buah

Jelebu: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menggalakkan ahlinya menanam durian bagi menjana pendapatan menerusi tanaman berkenaan berikutan ia kini menjadi sumber kekayaan baharu negara.

Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pihaknya sedia membantu ahlinya dalam pembangunan industri durian.

Katanya, durian mampu mendatangkan sumber ekonomi yang menguntungkan berikutan banyak pihak terbahit seperti pembekal bahan, pembekal baja, pemsaran dan produk berasaskan durian.

"Di samping menggalakkan ahli menjana pendapatan, LPP juga secara tidak langsung ingin mempromosikan industri kulineri berasaskan durian kepada ahli seperti disaran Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan.

"Durian boleh dimasak

menjadi bahan masakan, lempok, jem dan tempoyak selain boleh diproses dijadikan serbuk, kek, pastriserta pelbagai menu berasaskan buah itu," katanya ketika ditemui media pada program Sehari Di Dusun di Dusun Durian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jelebu di Sungai Muntoh, di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah LPP Azulita Salim, Pengarah LPP Negeri Sembilan, Mohd Khairi Mohd Hadzir dan Pengerusi PPK Jelebu, Mustakim Mohamad.

Nik Muhammad berkata, durian dianggap produk premium kerana mendapat permintaan tinggi dalam dan luar negara.

Katanya, Negeri Sembilan mempunyai dusun durian seluas 2,378 hektar dengan pelbagai jenis antaranya ialah durian kampung, duri hitam, musang king, D24 dan udang merah.



DR NIK Muhammad Zawawi (kanan) melihat durian jenis D197 atau musang king di Dusun Durian Pertubuhan Peladang Kawasan Jelebu, semalam.



DR NIK Muhammad Zawawi (kanan) membuka durian menggunakan peralatan 'EzyKupéh'.

LPP galak ahli tanam durian

Jana pendapatan berikutan permintaan tinggi daripada peminat dalam dan luar negara

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JELEBU

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menggalakkan ahli menanam durian bagi menjana pendapatan dan kekayaan menerusi tanaman itu berikutan durian adalah sumber kekayaan baharu negara.

Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, LPP melalui Pertubuhan Peladang akan membantu ahlinya dalam pembangunan industri durian.

"Durian dianggap sebagai produk premium kerana mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat negara ini dan juga pengunjung dari luar negara.

"Kelazatan kualiti dan khasiat durian yang tinggi di negara ini telah membuka pasaran di luar negara terutama di China," katanya pada Program Sehari di Dusun Durian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jelebu di Sungai Muntoh, Titi di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim.



Nik Muhammad Zawawi (kanan) melihat produk berasaskan durian yang dijadikan aiskrim di dusun PPK Jelebu semalam.

Nik Muhammad Zawawi berkata, durian mampu mendatangkan sumber ekonomi yang menguntungkan berikutan banyak pihak terbabit seperti pembekal benih, pembekal baja, pemasaran dan produk berasaskan durian.

"Di samping menggalakkan peladang menjana pendapatan dan kekayaan melalui tanaman durian, LPP juga secara tidak langsung ingin mempromosikan industri kuliner kepada ahli peladang seperti yang disarankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Buah durian boleh dimasak menjadi lempok, jern dan tempoyak. Buah durian juga boleh diproses dijadikan serbuk, kek, pastri dan pelbagai lagi menu berasaskan durian," kata beliau.

Sementara itu, Nik Muhammad

Zawawi berkata, durian Jelebu adalah antara yang menjadi pilihan dan rebutan bagi penggemar durian.

"Di Negeri Sembilan, keseluruhan keluasan dusun durian adalah 2,378 hektar manakala dusun durian di daerah Jelebu adalah seluas 287 hektar.

"Terdapat pelbagai varieti durian di daerah ini seperti durian kampung, duri hitam, musang king,

kunyit, XO, D24 dan udang merah," katanya.

Terdahulu, dalam program tersebut, LPP juga menggalakkan masyarakat setempat menghasilkan menu baharu dan pelbagai jenis produk hiliran berasaskan durian agar durian menjadi potensi kepada kekayaan negara untuk dijual kepada pelanggan dari dalam dan luar negara.

Antara makanan berasaskan durian.



Nik Muhammad Zawawi dan Azulita menggunakan alat pembuka durian Ekupeh.



Nik Muhammad Zawawi (kanan) dan Azulita menunjukkan durian yang dibuka menggunakan alat Ekupeh di dusun durian PPK Jelebu di Sungai Muntoh, Titi semalam.



Nik Muhammad Zawawi menanam durian sebagai simbolik perasmian program.

Headline	Artificial reefs worth RM41,000 placed in Labuan waters		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	09 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,015
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,044



Artificial reef is being submerged by a group of fishermen during Unjang Buluh programme at Kg Lubok Temiang yesterday.-Bernama Photo

Artificial reefs worth RM41,000 placed in Labuan waters

LABUAN: A total of 14 artificial reefs of Unjang Buluh and Coconut Leaf types worth of RM41,000 were placed in the waters off Kg Tanjung Aru and Lubok Temiang here to help improve the catch of the local fishermen in the two villages.

The project under the Sustainable Fisheries Resources Management allocation was

a collaboration between the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) and Fisheries Department.

LKIM in a statement said the two villages were selected after taking into consideration the contribution of the fishermen in the Labuan's total fish landing last year, which was accounting for 7.6 per cent or 226,984kg valued at RM1.6

million.

The artificial reef is to help enrich the marine life in the two villages' waters, thus create alternative fishing sites for local fishermen there.

It could also bring down the fishing pressure from mechanised sectors and thus support the small scale traditional fisheries. - Bernama

Headline	Award-winning tea to be commercialised		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	09 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Life & Arts	Circulation	12,000
Page No	21	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	899 cm ²
Journalist	MUHAMMAD ZULHAZIQ ISMAIL	AdValue	RM 9,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,413

Award-winning tea to be commercialised

Idaman Tea's innovators are from Port Klang's SK Kampung Idaman and they were the only team from Malaysia to take home the International I-New Gen Award

by MUHAMMAD ZULHAZIQ ISMAIL

THREE Year 5 pupils and three teachers of a primary school in Port Klang are making strides towards commercialising an award-winning innovation of theirs -- a herbal concoction that they have named Idaman Tea.

Consisting of powdered guava leaf (95%) and mint leaf (5%), and packed in sachets made of pineapple fibre, Idaman Tea is free of chemicals and preservatives and is said to provide relief for diarrhoea.

It also contains lycopene, a plant nutrient with antioxidant properties, and may reduce cholesterol and control blood sugar levels.

Its innovators are from SK Kampung Idaman in Port Klang, and they comprise 11-year-olds Mohamad Khairi, Faris Afandz, Nidal Eiman Erwin and Muhammad Aqil Yahya, and their teachers Danial Heryanto, Zainal Abidin, 42, Mohd Norhizal Ramlex, 40, and Shahrizal Mohd Azam, 37.

In February this year, their product won international recognition when it grabbed the gold medal in the School Students category at the International Intellectual Property, Innovation and Technology Exposition 2020 in Bangkok, organised by the National Research Council of Thailand under the patronage of the International Federation of Inventors Associations.

They were also the only team from Malaysia to take home the International I-New Gen Award. About 300 teams from Malaysia took part in various categories at the event, which attracted about 2,000 teams from 14 countries.

Team leader Danial Heryanto said they are now in the process of registering Idaman Tea with Intellectual Property Corp of Malaysia.

"We hope to commercialise our product this year," he told *Bernama*, adding that Universiti Teknologi Mara (UiTM) and the Selangor branch of Malaysian Pineapple Industry Board (MPiB) would help them in their marketing efforts.

Natural Product

Danial Heryanto said the idea of producing the herbal tea was mooted by his colleague Mohd Norhizal who suggested that they do some research on traditional remedies recommended by the older generation who made use of natural resources to cure their ailments.

Noting that people these days are beginning to lean towards the use of natural products, the team decided to pursue Mohd Norhizal's idea and experimented with the leaves of various plants to study their curative properties.



Consisting of powdered guava leaf and mint leaf, Idaman Tea is free of chemicals and preservatives and is said to provide relief for diarrhoea.



SK Kampung Idaman's innovation team with their advisors. The team collaborated with UiTM, MPiB and MARDI in the process to turn their innovative idea into an actual product.

"At first, we used only guava leaves to make the tea, but were not able to reach a level of innovation that would attain international recognition.

"After putting in more research, we decided to combine guava leaves with the nutritional benefits of mint leaves. We sundried the leaves and powdered them, and then packed the powder into sachets made of pineapple fibre. Thus, we came up with a 100% natural product that can relieve diarrhoea and has other health benefits as well," he explained.

Mohd Norhizal, meanwhile, said they have been working on the herbal tea idea since February last year and that the three students in the team were also deeply involved in the process.

"We encouraged them to contribute their ideas and understand the production process. We are proud of these 11-year-old pupils as they were able to generate ideas for the innovation based on the knowledge and skills they have," he said.

He said there were also suggestions from the boys to combine guava leaves with pandan and use corn or sugarcane fibre to make the sachets.

Mohd Norhizal also praised the three students for their professional presentation of the product to the jury and guests at the



A team member says they are happy and proud to have been given the opportunity to participate in an international competition.

international expo in Bangkok.

"It was the first time they were participating in such an event and they had to present their product in English which they did with full confidence. It's obvious they have a deep interest in the field of inventions and science," he added.

Collaboration

It took the team six months to prepare the final product -- Idaman Tea -- as it had to go through various processes to ensure the efficacy of the ingredients.

Mohd Norhizal said the team collaborated with UiTM, MPiB and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) in the process to turn their innovative idea into an actual product.

They tested and finalised the product's ratio of ingredients and preparation at UiTM Shah Alam's Faculty of Engineering's laboratory, while they tested its safety and

efficacy at MARDI.

Team member Nidal Eiman said he and his two schoolmates felt happy and proud to have been given the opportunity to participate in an international innovation competition.

"In our efforts to make a product that met international standards, we conducted various studies with our teachers. This process exposed us to more knowledge in the area of science and invention," he said.

He said the experience of testing their innovation in a full-fledged laboratory motivated them to continue exploring the field of innovations.

"I never expected our team to win the gold medal as we were competing against students from secondary schools and elite schools from various countries.

"I'm now hoping to see the commercialisation of our Idaman Tea product," he added. — *Bernama*